

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, January 19, 2020 8:39 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Penjawat Awam Perlu Lebih Responsif Dan Relevan



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

19 JANUARI 2020 / 23 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Akmal Ahlami Md. Rozai

PENJAWAT AWAM PERLU LEBIH RESPONSIF DAN RELEVAN



UUM ONLINE: Alor Setar - Penjawat awam di negeri Kedah diingatkan supaya perlu menjadi lebih responsif dan sentiasa bersedia berkhidmat untuk rakyat.

Menteri Besar, Dato' Seri Mukhriz Tun Mahathir berkata, era globalisasi pada masa kini memberi kesan kepada sektor perkhidmatan awam.

"Penjawat awam merupakan nadi penggerak dan tulang belakang kerajaan dan kita perlu memastikan perkhidmatan awam sentiasa relevan seiring dengan perubahan semasa.

"Konsep penyampaian perkhidmatan juga perlu segera berubah dan kajian berterusan terhadap proses dan prosedur kerja perlu dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang berkualiti disampaikan kepada pemegang taruh atau *stakeholders* dan pelanggan," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Pagi dan Program Hari Bertemu Pelanggan Pejabat Setiausaha Kerajaan Tahun 2020 di Dataran Medan Bandar, pagi tadi.

Beliau berkata, penggunaan modal insan secara optimum perlu ditingkatkan dan menjadi pegangan semua agensi kerajaan supaya penjawat awam dapat membantu kerajaan dalam membangunkan negeri.

Menurutnya, penjawat awam juga perlu berfikiran lebih terbuka, inovatif, kreatif, sentiasa dinamik, memperluaskan diri dengan ilmu pengetahuan serta memahami dasar-dasar kerajaan semasa supaya dapat bergerak seiring dengan pucuk kepimpinan.

Katanya, peranan penjawat awam dalam konteks pembangunan negeri memang tidak dapat dinafikan dan kejayaan satu-satu program kerajaan bergantung sepenuhnya kepada komitmen dan kesungguhan penjawat awam.

"Selain itu, untuk merealisasikan perkhidmatan yang berkualiti, penjawat awam perlu mengetepikan budaya kerja secara silo. Kakitangan kerajaan awam tidak boleh mendahulukan kepentingan jabatan mereka sahaja, sebaliknya perlu bekerjasama antara satu sama lain dari jabatan dan agensi lain.

"Penjawat awam juga tidak perlu merasa terbeban dengan tugas hakiki yang dilakukan, sebaliknya ambillah pendekatan positif dan sikap bertanggungjawab dengan menggalas tugas dan amanah yang telah diberikan kerana kerja adalah satu ibadah," katanya yang turut menekankan nilai integriti dan keutuhan peribadi pada setiap penjawat awam agar perkhidmatan awam dihormati, dipandang tinggi dan diyakini oleh rakyat.

Dato' Seri Mukhriz juga menyeru kepada semua supaya meneliti proses dan prosedur kerja agar lebih mesra pelanggan dan dapat memenuhi kehendak rakyat.

Tambahnya, keutamaan harus diberikan kepada golongan sasaran dalam apa-apa inisiatif yang dilaksanakan bagi memastikan rakyat mendapat manfaat dan tidak terpisah daripada perkhidmatan yang diberikan.

Selepas perhimpunan pagi itu, Menteri Besar telah melawat *booth* pameran yang melibatkan 60 agensi kerajaan sempena Hari bertemu Pelanggan yang menjadi platform kepada masyarakat untuk menyuarakan aduan dan cadangan bagi meningkatkan lagi perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan.

Universiti Utara Malaysia telah diwakili staf dari UUM Corporate Comm. dan Institut Penyelidikan Pengurusan dan Perniagaan (IMBRe).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.